

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKE 214 - Ekonomi Buruh**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab SEMUA bahagian Soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan sahaja dalam Bahagian B.

Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan ini kerana anda WAJIB menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.

Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan setiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab. Ikatkan jawapan anda kepada Bahagian A dengan jawapan kepada Bahagian B.

Jawapan soalan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.

Tunjukkan jalan penghitungan yang diperlukan oleh soalan. Jawapan yang tidak menunjukkan jalan penghitungan tidak akan mendapat markah sepenuhnya.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

## BAHAGIAN A [60 markah]

1. Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini.

[ a ] Empat dimensi penawaran buruh dalam sesebuah ekonomi:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(4 markah)

[ b ] Jadual 1 menunjukkan status penduduk di Pulau Adasana:

Jadual 1

Status penduduk	Juta
Bil penduduk yang layak bekerja	200
Tenaga buruh	178
Bekerja	150
Menganggur	28
Di luar tenaga buruh	22

i. Takrifkan “penduduk yang layak bekerja”

(2 markah)

ii. Takrifkan makna “menganggur”

(2 markah)

...3/-

iii. Hitung kadar penyertaan tenaga buruh di Pulau Adasana.

(2 markah)

[ c ] Empat faktor yang mempengaruhi keputusan penawaran buruh seseorang?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(4 markah)

[ d ] Empat ciri pada pekerja yang mewujudkan pasaran persaingan sempurna?


- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(4 markah)

[ e ] Jelaskan bagaimana pendapatan bukan upah mempengaruhi kadar penyertaan tenaga buruh?

(2 markah)

[ f ] Rajah 1 menunjukkan keluk penawaran buruh En. Re Hat.



[ i ] Kadar upah naik, En. Re Hat beralih dari titik A ke titik B. Bagaimanakah hubungan kesan pendapatan dan kesan pengantiannya?

(3 markah)

[ ii ] Adakah kedua-dua kesan ini menyebabkan keluk penawaran buruh En. Re Hat membengkok ke belakang? Kenapa?

(2 markah)

[ iii ] Adakah En. Re Hat menganggap masa lapang sebagai barang bawahan, barang normal atau barang mewah? Kenapa?

(3 markah)

...5/-

- [ g ] Katalah sebuah firma membeli buruh dalam pasaran buruh yang bersaing sempurna. Sebahagian daripada fungsi pengeluaran firma itu ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

(1) Buruh	(2) Output	(3) MPP <sub>L</sub>	(4) Harga Output	(5) MRP	(6) VMP
0	0	-	-	-	-
1	10	10	6.00		
2		8	5.50		
3	24		5.00		
4		4	4.50		
5	30	2	4.00		

Jadual 2

- [ i ] Lengkapkan maklumat bagi lajuran (2) dan (3).  
(4 markah)
- [ ii ] Lengkapkan maklumat dalam lajuran (5) dan (6).  
(4 markah)
- [ iii ] Jika kadar upah pasaran ialah RM6, berapakah tingkat guna tenaga yang memaksimumkan keuntungan firma ini? Kenapa?  
(2 markah)
- [ h ] Jadual 3 menunjukkan peristiwa-peristiwa yang boleh menganjukkan sama ada keluk penawaran ataupun keluk permintaan buruh sesebuah firma.


Jadual 3

Peristiwa	D <sub>L</sub> atau S <sub>L</sub>	(+) atau (-)
Pendapatan bukan upah naik		
Harga faktor produktif lain jatuh		
Daya pengeluaran isi rumah naik		
Harga barang keluaran firma turun		

Dalam lajuran yang disediakan tandakan sama ada peristiwa itu mempengaruhi penawaran buruh (S<sub>L</sub>) atau permintaan buruh (D<sub>L</sub>) dan sama ada kesannya positif (+) atau negatif (-).

(4 markah)

- [ i ] Dalam Rajah 2, paksi mendatar mengukur masa lapang/masa kerja, manakala paksi menegaknya menunjukkan pendapatan.



Rajah 2

- [ i ] Bantu En. Bu Ruh menentukan pendapatannya di titik *F* dan *G*.

(3 markah)


- [ ii ] Berapakah jumlah pendapatan yang ditunjukkan pada nilai *B* jika jumlah pendapatan En. Bu Ruh di titik *E* ialah 320?

(3 markah)

- [ iii ] Adakah En. Bu Ruh lebih tinggi kepuasannya dengan kenaikan kadar upah secara terus atautah dengan dibayar lebih masa?

(2 markah)

- [ j ] Dalam Rajah 3, tunjukkan konsep laluan keutamaan upah majikan dan kesatuan apabila menghadapi keluk permintaan buruh yang berubah-ubah. Mulakan di titik A.



Rajah 3

(4 markah)

- [ k ] Chamberlain telah memperkenalkan konsep kuasa tawar-menawar dalam usahanya menerangkan perilaku kesatuan sekerja?

Bagaimanakah beliau mentakrifkan:

[ i ] Kuasa tawar-menawar majikan?

[ ii ] Kuasa tawar-menawar kesatuan?

(6 markah)

## BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja.

2. Dari segi teori, jika semua pekerja dan semua pekerjaan itu homogen, dan pasaran buruh pula bersaing sempurna, maka pekerja-pekerja akan berpindah kerja dengan sedemikian rupa sehingga akhirnya upah di semua pasaran menjadi sama.
- (a) Jelaskan kenapa tidak akan timbul perbezaan upah jika sesebuah ekonomi itu bersaing sempurna dan maklumat serta mobiliti tidak melibatkan sebarang kos?  
(7 markah)
- (b) Salah satu sebab timbulnya perbezaan upah ialah kerana pekerjaan tidak homogen. Huraikan bagaimana aspek-aspek bukan upah boleh mempengaruhi keputusan penawaran buruh sehingga boleh menimbulkan perbezaan upah pampasan.  
(7 markah)
- (c) Dengan menggunakan rajah yang sesuai, tunjukkan bagaimana sebuah firma yang merupakan pembeli buruh yang tunggal dalam pasaran buruh, menentukan kadar upah yang dibayar kepada buruhnya.  
(6 markah)
3. Model pilihan kerja-masa lapang menggunakan keluk puas sama untuk menunjukkan pelbagai kombinasi pendapatan benar dan masa lapang yang akan menghasilkan satu tingkat utiliti tertentu kepada seseorang individu.
- (a) Gunakan rajah-rajah yang sesuai untuk menunjukkan pilihan masa lapang – pendapatan seseorang sebelum dan selepas kenaikan kadar upah. Asingkan kesan penggantian dan kesan pendapatannya dan tunjukkan sama ada jam bekerjanya bertambah atau berkurangan.  
(7 markah)
- (b) Jelaskan apa yang menyebabkan keluk penawaran seseorang individu itu boleh membengkok ke belakang. Apakah hubungannya dengan kesan penggantian dan kesan pendapatan yang anda jelaskan dalam Bahagian (a) tadi?  
(7 markah)
- (c) Gunakan satu rajah khusus untuk menunjukkan perbezaan keluk puas sama seorang *workaholic* dan seorang yang malas bekerja. Tafsirkan makna perbezaan keluk puas sama itu.  
(6 markah)



4. Walaupun sesebuah negara dapat mengawal kadar pengangguran ke tahap yang paling rendah ia tidak mungkin dapat mencapai kadar pengangguran sifar. Akhir-akhir ini Malaysia dilanda oleh fenomena yang disebut sebagai pengangguran siswazah.

- (a) Huraikan fenomena ini dari segi jenis-jenis pengangguran yang telah dibincangkan dalam kursus ini. Bincangkan langkah-langkah dasar yang mungkin dapat mengatasi setiap jenis pengangguran yang anda sebutkan tadi.

(7 markah)

- (b) Bagaimanakah fenomena kedatangan buruh asing ke Malaysia boleh dikaitkan dengan teori perbezaan kadar upah, dengan andaian bahawa pasaran buruh bersaing sempurna? Bincangkan secara ringkas dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai dan berkaitan.

(7 markah)

- (c) Bagaimanakah model lingkaran upah-harga menjelaskan penyebaran inflasi? Bincangkan menggunakan rajah yang berkaitan.

(6 markah)